



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMIKIRAN RASIONALISME DALAM
KUMPULAN SAJAK MODEN
KALIAPERUMAL**

SATHIAVANI A/P MANIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA (KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran rasionalisme, menganalisis kerelevan pemikiran rasionalisme yang terdapat dalam sajak moden karya Kaliaperumal serta latar belakang dan kepengarangan Kaliaperumal. Kumpulan sajak moden *Ponman:i Kan:aikal:* dan *Ponman:i Cinhthanaikal:* dipilih sebagai bahan kajian. Walaupun terdapat sebanyak 203 buah sajak, hanya sejumlah 143 buah sajak dari kedua-dua kumpulan mencerminkam pemikiran rasionalisme. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Kaedah ini memberi keterangan tentang sifat dan keadaaan manusia serta memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan pada kedua-dua kumpulan sajak moden Kaliaperumal. Kajian ini menggunakan teori rasionalisme dengan menekankan faktor institusi sosial, ekonomi dan politik. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kaliaperumal merupakan seorang pengarang prolifik yang berani membincangkan tentang kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia. Gambaran kehidupan masyarakat Tamil yang masih memberi keutamaan kepada sikap mementingkan diri sendiri telah didedahkan. Secara keseluruhannya penyajak Kaliaperumal berjaya mencerminkan pemikiran rasionalisme menerusi sajak-sajak beliau dengan mengaitkan kehidupan sebenar masyarakat Tamil di negara ini. Kajian ini menegaskan bahawa masyarakat Tamil boleh berjaya jika amalan kesedaran dan keinsafan diperaktikkan dalam kehidupan mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

RATIONALISM THINKING IN ANTHOLOGY OF KALIAPERUMAL'S MODERN POETRY

ABSTRACT

The objectives of this study are to identify rationalism thinking, analyzing the relevance of rationalism thinking in Kaliaperumal's modern poetry, his background and writing styles. The anthologies chosen for this study are *Ponman:i Kan:aikal:* and *Ponman:i Cinhthanaikal:*. Even though there are 203, only 143 poems from these anthologies reflect rationalism thinking. Qualitative descriptive method was used in this study. It explains the character and relevant teachings that can be found in both anthologies. Furthermore, social, economical and political fields were studied using the rationalism theory. The findings of this study show that Kaliaperumal is a prolific writer who boldly discusses issues pertaining to Tamil community in Malaysia. The main issue that has been exposed among the Tamil community is selfishness. Overall, Kaliaperumal has successfully depicted rational thinking through his poems and connected real life situations in the Tamil community in this country. The study stresses that the community can succeed if awareness and remorsefulness are practised in their daily lives.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Sumber Kajian	10
1.9 Definisi Istilah dan Operasional	10
1.9.1 Sajak Moden (<i>Puthu Kavithai:</i>)	10



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.9.2 Pemikiran	11
1.9.3 Rasionalisme	11
1.10 Kesimpulan	13

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian-Kajian Terdahulu	16
2.2.1 Kajian Dalam Negara	17
2.2.2 Kajian Luar Negara	31
2.3 Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



3.1 Pengenalan	35
3.2 Rekabentuk Kajian	36
3.3 Kaedah Kajian	38
3.3.1 Kaedah Kajian Kepustakaan	38
3.3.2 Kaedah Analisis Teks	39
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	40
3.4.1 Pembacaan Data	40
3.4.2 Pemilihan Data	40
3.4.3 Pembahagian Data	41
3.5 Teori Kajian	41
3.5.1 Teori Rasionalisme	41
3.5.2 Reno Descartes	43





3.5.3 Baruch de Spinoza	44
3.5.4 Gotifried Willheim Von Leibniz	45
3.6 Kerangka Teori	47
3.7 Kesimpulan	47

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	49
4.2 Latar Belakang dan Kepengarangan Kaliaperumal	50
4.2.1 Riwayat Hidup Kaliaperumal	51
4.2.2 Kepengarangan Kaliaperumal	54
4.2.3 Sumbangan Kaliaperumal	57
4.3 Institusi Sosial	59



4.3.1 Pengenalan	
4.3.2 Institusi Kekeluargaan	62
4.3.3 Institusi Pendidikan	74
4.3.4 Femenisme	95
4.3.5 Keruntuhan Moral dan Kebebasan Sosial	99
4.3.6 Agama	106
4.3.7 Adat Resam dan Kepercayaan	123
4.3.8 Kasta	128
4.3.9 Aspek Norma	137
4.4 Institusi Ekonomi	187
4.4.1 Koperasi	191
4.4.2 Peranan Pengguna	193
4.4.3 Masyarakat India dalam bidang ekonomi	196





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

4.5 Institusi Politik	201
4.5.1 Ciri-ciri Pemimpin	202
4.5.2 Tanggungjawab Pemimpin	205
4.5.3 Pelaksanaan Cukai Pendapatan	214
4.6 Kesimpulan	227

BAB 5 RUMUSAN

5.1 Pengenalan	229
5.2 Penemuan	230
5.2.1 Institusi Sosial	231
5.2.2 Institusi Politik	236
5.2.3 Institusi Ekonomi	239
5.3 Cadangan	241
5.4 Kesimpulan	242



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

RUJUKAN

245

LAMPIRAN A Sajak-sajak yang dipilih untuk kajian ini

LAMPIRAN B Bilangan sekolah mengikut kumpulan, jenis dan Negeri



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
-------------------	-------------------

<p>4.1 Anugerah-anugerah yang telah dianugerahkan kepada pengarang Kaliaperumal.</p> <p>4.2 Hasil karya pengarang Kaliaperumal</p> <p>4.3 Jumlah ahli kongsi gelap di Malaysia mengikut kaum</p> <p>4.4 Senarai sajak yang membincangkan institusi keluarga</p> <p>4.5 Senarai sajak yang membincangkan institusi pendidikan</p> <p>4.6 Senarai antara ketua-ketua wanita negara di peringkat global</p> <p>4.7 Senarai sajak yang membincangkan tabiat meminum minuman keras</p> <p>4.8 Pendaftaran Penceraian Mengikut Negeri, 2001-2010</p> <p>4.9 Senarai sajak yang membincangkan agama</p> <p>4.10 Senarai sajak yang membincangkan adat resam dan kepercayaan</p> <p>4.11 Senarai sajak yang membincangkan kasta</p> <p>4.12 Senarai sajak yang membincangkan aspek norma</p> <p>4.13 Senarai sajak-sajak yang membincangkan institusi sosial.</p> <p>4.14 Komposisi kaum bagi tahun 2015</p> <p>4.15 Purata pendapatan kasar bulanan isi rumah mengikut etnik di Malaysia pada tahun 2014</p> <p>4.16 Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai Tara) Syarikat Berhad, 1995 dan 2015 (RM juta)</p> <p>4.17 Guna Tenaga Mengikut Sektor & Kumpulan Etnik 1995 dan 2000</p> <p>4.18 Peratus ahli profesional berdaftar mengikut kumpulan etnik 1995 dan 2008</p> <p>4.19 Senarai sajak yang membincangkan institusi ekonomi.</p> <p>4.20 Statistik tangkapan akibat rasuah dari Januari sehingga Ogos 2015</p>	<p>54</p> <p>59</p> <p>73</p> <p>74</p> <p>94</p> <p>99</p> <p>103</p> <p>105</p> <p>123</p> <p>128</p> <p>137</p> <p>182</p> <p>184</p> <p>189</p> <p>190</p> <p>198</p> <p>199</p> <p>200</p> <p>201</p> <p>213</p>
--	---



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

4.21	Kategori pembayar cukai di Malaysia	216
4.22	Kadar penalti	216
4.23	Senarai sajak yang membincangkan institusi politik	227
5.1	Senarai sajak yang membincangkan institusi sosial.	233
5.2	Senarai sajak yang membincangkan institusi politik.	239
5.3	Senarai sajak yang membincangkan institusi ekonomi.	241



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	37
3.2 Kerangka Teori	47
5.1 Peratus sajak-sajak yang mencerminkan pemikiran rasionalisme	231
5.2 Peratus sajak-sajak yang membincangkan isu-isu sosial.	233



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI SINGKATAN

DMIP	Democratic Malaysian Indian Party (Parti Demokratik India Malaysia)
Hlm	Halaman
IPF	Indian Progressive Front (Barisan Progresif India)
KPP	Kumpulan Pengurusan & Profesional
KPT	Kumpulan Pengurusan Tertinggi
KS	Kumpulan Sokongan
Kum	Kumpulan
MIC	Malaysian Indian Congress (Kongres India Se-Malaysia)
MIUP	Parti India Bersatu Malaysia
NLFCS	National Land Finance Cooperative Society Ltd
OR	Orang Awam
PK	Ponman:i Kan:aikal:
MMSP	Parti Makkal Sakti Malaysia
PPP	Parti Progresif Penduduk
PS	Ponman:i Cinhthanaikal:
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரமுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	a:	ஏ	-	e:
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஈ	-	i:	ஓ	-	o
உ	-	u	ஓ	-	o:
ஊ	-	u:	ஓள	-	au



மெய்யெழுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonen

க்	-	k	த்	-	th	ல்	-	l
ங்	-	ng	ந்	-	nh	வ்	-	v
ச்	-	c	ப்	-	p	ம்	-	l-
ஞ்	-	nj	ம்	-	m	ள்	-	l:
ட்	-	t:	ய்	-	y	ற்	-	t
ண்	-	n:	ர்	-	r	ன்	-	n

சமஸ்கிருத எழுத்துகள் / Huruf-huruf Sanskrit

ஜ்	-	j	ஹ்	-	h
ஷ்	-	sh	க்ஷ்	-	ks
ஸ்	-	s	ஸ்ரி	-	sri





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Kajian Pemikiran Rasionalisme dalam Kumpulan Sajak Moden Kaliaperumal merupakan tajuk kajian pengkaji. Penyajak Kaliaperumal telah berjaya menghasilkan banyak karya yang berkaitan dengan bidang kesusasteraan. Jika dirujuk tentang bidang kesusasteraan, bidang ini merupakan bidang yang ada kaitan dengan kehidupan manusia dan masyarakat. Walaupun bagi masyarakat yang berdasarkan sains dan teknologi seperti masyarakat Malaysia, kehadiran sastera masih sangat bererti. Tanpa kewujudan sastera, kehidupan masyarakat maju dianggap tidak lengkap.

Manakala bagi masyarakat Tamil, sastera merupakan ekspresi tertinggi sesebuah masyarakat yang mencerminkan dua jenis kehidupan iaitu *Akam* yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



membawa makna bahagian dalaman ataupun perasaan dalam hati (dalaman dan mental) manakala *Puram* membawa erti bahagian luaran (luaran-fizikal). *Akam* meliputi sifat kecintaan dan *Puram* pula meliputi nilai-nilai mulia seperti keperwiraan, keadilan, keberanian, kemanusiaan, kebudayaan, kesenian, kebendaan dan kehidupan sesuatu bangsa (Kailasapathy, 1990:6-7).

Manakala, seorang penyair unggul Bharathiyar(199:22) pula memberi keterangan bahawa kesusasteran adalah sesuatu yang dinamik yang perlu berubah mengikut peredaran zaman dan karya kesusasteraan mestilah dalam bahasa yang mudah, indah dan bermakna. Seterusnya Mohd. Taib Osman (1977:45) pula menerangkan sastera sebagai suatu ragam kesenian yang tidak muncul daripada kekosongan malah kemunculannya bermula daripada kehidupan yang mendukung dan



ini membuktikan bahawa setiap hasil sastera yang dicipta dengan kesungguhan yang jitu pasti memuatkan simpulan yang utuh dengan kehidupan kerana insan seniman itu sendiri ialah sebahagian daripada kehidupan.

Kesusasteraan juga merupakan bidang yang luas yang meliputi beberapa jenis kumpulan sastera seperti puisi, sajak, drama, cerpen dan novel. Puisi adalah bentuk sastera Tamil yang terawal iaitu sejak dari zaman *cangkam*(சங்க காலம்). Semua karya sastera adalah dalam bentuk puisi tradisional. Lahirnya Zaman Moden (புதுக்கலைத் தாலம்) membawa banyak perubahan dalam dunia puisi Tamil. Perubahan yang drastik dalam struktur puisi tradisional telah melahirkan era sajak moden Tamil. Pengkaji memilih sajak moden untuk membuat kajian kerana sajak merupakan jenis sastera moden yang popular sejak abad ke-19. Sastera sajak





merupakan komponen sastera moden yang popular sehingga dipilih sebagai bahan pelajaran di sekolah rendah, sekolah menengah dan sehingga di peringkat universiti.

Sebelum mendalami karya kesusasteraan Tamil, wajarlah diketahui sedikit sebanyak tentang sajak moden. Menurut Muhammad Haji Salleh (1984:1), sajak moden dianggap sebagai kata-kata yang terbaik dalam susunan yang terbaik. Seterusnya beliau menerangkan bahawa sajak sebagai satu bentuk sajak moden yang lebih bebas dari ikatan bentuk-bentuk tradisi. Oleh yang demikian, kita boleh merumuskan bahawa sajak moden merupakan karangan berangkap, berbentuk bebas yang sudah menyimpang daripada bentuk puisi lama.

Menurut Akilan, V. (2002:96) tentang perkembangan sastera Tamil, abad ke-



penulis yang tidak terikat dengan lunas-lunas tatabahasa tradisional yang rumit serta mengongkong kebebasan berkarya menyebabkan sastera Tamil moden berkembang dengan pesat. Situasi ini memberi peluang kepada genre novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastera Tamil moden. Kesusasteraan Tamil menukar wajah dari klasik ke moden. Sajak moden sebagai genre sastera terbaru, mendapat sambutan yang menggalakkan sejak sebelum merdeka lagi.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian Pemikiran Rasionalisme dalam antologi sajak moden Kaliaperumal iaitu kumpulan sajak-sajak *Ponman:i Cinhthanaikal:* dan *Ponman:i Kan:aikal:* karya penyajak tempatan Kaliaperumal mempunyai latar belakangnya tersendiri. Setiap isu yang dibincangkan dalam sajak-sajak pilihan pengkaji dibuktikan dengan kehidupan seharian masyarakat Tamil di negara ini. Isu-isu tersebut ditentukan dengan bukti yang kukuh, logik dan dengan berdasarkan fakta dari segi sosial, ekonomi dan politik.

Kaliaperumal merupakan seorang sasterawan yang amat popular di Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman selama 52 tahun dalam arena sastera. Pada asasnya



dengan sajak-sajak moden sehingga berjaya menerbitkan lima buah buku kumpulan sajak-sajak moden. Beliau juga menerima banyak anugerah dalam bidang sastera. Kekuatan sajak Kaliaperumal terletak pada tema dan persoalan yang dibawa termasuk pemikirannya yang universal.

1.3 Permasalahan Kajian

Manusia dicipta dengan enam akal. Akal keenam sentiasa mencari kebenaran. Bagi mencari kebenaran manusia perlu berfikir secara rasionalnya. Terdapat dua golongan manusia dalam dunia ini. Golongan pertama mempercayai dan mengikut apa yang diberi oleh nenek moyang mereka tanpa bersoal kebenarannya. Manakala golongan





kedua pula berfikir secara rasional untuk mencari kebenaran dalam semua perkara. Berfikir rasional bermakna berfikir menggunakan akal bagi memperolehi jawapan atau pedoman tentang sesuatu perkara. Orang yang memiliki kemampuan berfikir rasional dengan baik, akan memiliki motivasi yang kuat terhadap segala perkara dalam kehidupan mereka.

Kaliaperumal yang merupakan seorang rasionalis memupukan pemikiran rasionalisme dalam teks ciptaannya. Sasterawan kelahiran negeri Perak ini adalah seorang penyajak, penulis, wartawan dan pemidato terkenal. Beliau terkenal bukan sahaja di Malaysia bahkan dalam kalangan pencinta bahasa Tamil di seluruh dunia. Sumbangan beliau dalam kesusasteraan Tamil amat besar dan ketara. Beliau telah menghasilkan sebanyak 103 buah buku. Kebanyakan hasil karyanya memaparkan



Walaupun Kaliaperumal adalah seorang penyair tradisional, tetapi beliau juga menghasilkan tiga buah Kumpulan Sajak Moden. Kekuatan Kaliaperumal terletak pada gaya penulisan yang tajam dan intelektual. Aspek bahasa dan pemikiran rasional yang bernas terdapat dalam kumpulan sajak modennya. Sajak moden yang kritis dan sinis terhadap isu-isu masyarakat Tamil membuktikan beliau adalah seorang yang bertanggungjawab terhadap masalah dan nasib bangsanya.

Oleh kerana penyajak Kaliaperumal seorang yang berpandangan rasional maka pengkaji mengkaji pengaplikasian pemikiran rasionalisme dalam sajak moden beliau. Pengkaji telah memilih dua buah kumpulan sajak moden Kaliaperumal iaitu *Ponman:i Kan:aikal:* dan *Ponman:i Cinhthanaikal:* untuk mengupas pemikiran





rasionalisme berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini merupakan kajian tunggal di Malaysia tentang pemikiran rasionalisme dalam sajak moden Tamil Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menjurus kepada objektif yang berikut:

1. Mengkaji latar belakang dan kepengarangan Kaliaperumal.
2. Mengenal pasti pemikiran rasionalisme yang terdapat dalam sajak moden karya Kaliaperumal.
3. Menganalisis kerelevan pemikiran rasionalisme yang terdapat dalam sajak moden karya Kaliaperumal dengan masyarakat India di Malaysia.



1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

1. Sejauh manakah latar belakang dan kepengarangan Kaliaperumal digambarkan.
2. Adakah sajak-sajak moden Kaliaperumal mencerminkan pemikiran rasionalisme?
3. Sejauh manakah sajak-sajak moden Kaliaperumal mencerminkan pemikiran rasionalisme dalam budaya sebenar masyarakat India di Malaysia.





1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji dapati kajian ini amat penting kerana sajak sebagai satu cabang disiplin ilmu seperti genre-genre sastera yang lain. Seterusnya sajak-sajak yang dihasilkan oleh penyajak Kaliaperumal membawakan pelbagai persoalan yang berkaitan dengan pemikiran rasionalisme. Antara kepentingan kajian ini adalah:

1.6.1 Menyelongkar dan menjelaskan pemikiran rasionalisme dalam sajak-sajak moden Tamil yang digambarkan oleh penyajak dalam kumpulan sajak moden Kaliaperumal iaitu kumpulan sajak *Ponman:i Kan:aikal:dan Ponman:i Cinhhthanaikal:* serta memberikan pendedahan yang lebih luas kepada pembaca



tentang cara bagaimana penyajak menghidupkan sekali gus mengetengahkan isu-isu yang bersesuaian berkaitan dengan pemikiran rasionalisme.

1.6.2 Kajian ini juga diharapkan dapat mempelbagaikan pola kajian terhadap kesusasteraan Tamil di Negara ini. Ia juga dapat memperkayakan pengetahuan mengenai sajak-sajak moden Tamil Malaysia. Dengan ini kazanah kesusasteraan Tamil akan maju dan meningkat kualitinya.

1.6.3 Menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan. Kajian ini memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk lebih mengenali taraf kesusasteraan Tamil di Malaysia.





- 1.6.4 Kajian ini boleh menjadi landasan atau panduan kepada para pelajar atau golongan remaja untuk memilih sajak-sajak yang sesuai bagi bacaan tambahan mereka.
- 1.6.5 Membantu para pendidik yang mengajar sastera Tamil untuk dijadikan alat bantu dalam memupuk dan menggalakkan pelajar berfikir secara rasional.
- 1.6.6 Secara tidak langsung kajian ini menjadi panduan kepada guru-guru untuk membuka minda dan membimbing golongan pelajar dalam menghadapi cabaran hidup.

1.7 Batasan Kajian



Tujuan pengkaji memilih sajak-sajak penyajak tempatan Kaliaperumal adalah kerana sajak-sajak Kaliaperumal mengandungi persoalan dari kehidupan masyarakat India dan sekelilingnya. Beliau menjadi pencatat dan pentafsir zamannya. Pada karya-karya Kaliaperumal terdapat tema-tema yang memberi pusat kepada pemikiran rasionalisme.

Oleh yang demikian, dalam melakukan kajian ini, pengkaji telah membataskan dan mengkhususkan tumpuan kepada 143 buah sajak yang terdapat dalam kumpulan sajak moden karya sasterawan tempatan Kaliaperumal. Walaupun terdapat 203 buah sajak moden dalam kedua-dua kumpulan sajak moden pilihan pengkaji tetapi hanya 143 buah sajak sahaja yang mencerminkan pemikiran rasionalisme. Pengkaji telah memilih sajak-sajak yang mencerminkan pemikiran rasional sahaja. Sebanyak 143





buah sajak yang dipilih oleh pengkaji membincangkan isu-isu masyarakat India di Malaysia yang ada hubungkaitnya dengan pemikiran rasionalisme. Gambaran pemikiran rasionalisme jelas kerana penyajak mengaitkan kehidupan masyarakat India dengan etnik-etnik lain di negara Malaysia. Sebanyak 60 sajak tidak pilih sebagai bahan kajian kerana sajak-sajak tersebut merupakan sajak-sajak berbentuk jenaka dan cerita.

Kedua-dua buah kumpulan sajak moden ini menggambarkan pemikiran rasionalisme melalui isu-isu dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa kini. Senarai sajak yang dipilih oleh pengkaji sebagai bahan kajian, telah dilampirkan dalam lampiran A. Kajian ini terbatas kepada teori rasionalisme sahaja yang tercermin dalam sajak-sajak moden pilihan pengkaji. Lantaran itu, secara keseluruhan, kajian ini



kumpulan sajak Kaliaperumal iaitu *Ponman:i Kan:aikal:dan Ponman:i Cinhthanaikal:*. Pengkaji menganggap sajak-sajak ini memang sesuai dipilih sebagai bahan kajian kerana membincangkan isu-isu masyarakat India yang berlaku pada masa kini.

Seperti paparan jadual 1.1, yang menunjukkan 143 buah sajak yang dipilih dari kumpulan sajak-sajak moden Kaliaperumal iaitu *Ponman:i Kan:aikal:dan Ponman:i Cinhthanaikal:* menjadi sumber kajian ini. Keseluruhannya, sebanyak 143 buah sajak dijadikan sebagai bahan kajian utama.





1.8 Sumber Kajian

Kajian ini dihasilkan berdasarkan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini adalah sajak-sajak yang dipilih dari kumpulan sajak moden Kaliaperumal iaitu kumpulan sajak *Ponman:i Kan:aikal:* dan *Ponman:i Cinhthanaikal:*. Manakala penggunaan sumber sekunder berdasarkan kepada bahan kritikan, artikel, tesis dan buku-buku sejarah yang berkaitan dengan perkembangan sastera Tamil Malaysia dan sebagainya.

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

1.9.1 Sajak Moden (*Puthu Kavithai*)



Sajak moden *Puthu Kavithai* merupakan sajak moden yang berbentuk bebas dan tidak terikat pada jumlah baris, perkataan sebaris, rangkap, rima dan sebagainya. Ringkasnya boleh dikatakan sajak Tamil moden bebas tanpa tertakluk kepada hukum *Ya:ppu*. Dalam bahasa Tamil *Puthu* atau *Puthucu* bererti baru atau moden. Maka istilah sajak moden merujuk kepada *Puthu Kavithai*.

Menurut Hashim Awang(1984:15) sajak adalah puisi baru yang bebas daripada peraturan-peraturan dalam pembentukan rangkap, baris, kata-kata dan rima. Sajak bersifat demikian untuk dapat mengucapkan fikiran penyair dalam cara yang lebih indah, segar dan bebas.





1.9.2 Pemikiran

Pemikiran merupakan aspek penting yang tersirat atau tersurat dalam sesuatu karya.

Pemikiran selalunya berpandukan suatu fikiran untuk menghasilkan sesuatu gagasan.

Asmah Hj. Omar (1986:9) mengatakan bahawa pemikiran sebagai keadaan fikiran yang mempunyai berbagai-bagai gambaran atau citra kepada keadaannya yang sudah mempunyai konsep yang abstrak dan perkaitan antara peringkat itulah yang menjadi tumpuan perhatian.

Mohd Michael Abdullah (1995:1) menafsirkan pemikiran sebagai kebolehan manusia untuk mencipta gagasan-gagasan dan pengertian-pengertian berhujah, menilai dan membuat keputusan. Manusia dikurniakan kebolehan berfikir. Tetapi



Maka boleh dibuat kesimpulan bahawa proses pemikiran berlaku dengan pergerakkan minda dari suatu perkara ke suatu perkara yang lain.

1.9.3 Rasionalisme

Rasionalisme merupakan aliran falsafah yang mengutarakan akal dalam mencari pengetahuan. Akal adalah alat penting dalam memperoleh pengetahuan dan menguji pengetahuan. Secara teori, rasionalisme merupakan daya berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang kukuh supaya dapat mengambil tindakan yang munasabah berdasarkan pertimbangan yang sewajarnya. Endraswara (2012:53) mengatakan rasionalisme merupakan fahaman atau aliran yang berdasarkan nisbah dan idea-idea yang logik. Strategi pengembangan ilmu model rasionalisme adalah mengeksplorasi gagasan





dengan kemampuan intelektual manusia. Rasionalisme adalah teori yang membincangkan bahawa akal fikiran adalah alat terpenting dalam memperoleh pengetahuan dan menguji pengetahuan. Jika empirisme mengatakan pengetahuan diperoleh dengan alam mengalami objek empiris, maka rasionalisme menggambarkan bahawa pengetahuan diperolehi dengan cara berfikir. Pandangan itu merupakan kaedah-kaedah bersifat logik. Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa rasionalisme adalah suatu fahaman atau pemikiran yang sumbernya daripada mental iaitu idea yang masuk akal untuk memperoleh kebenaran dan pengetahuan. Tokoh-tokoh rasionalisme di antaranya, Descartes, Leibniz dan Spinoza (Ahmad Tafsir, 2012:127).

Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005:1292), dixi



perbuatan atau pegangan. Manakala perkataan rasionalisme pula membawa maksud fahaman bahawa taakulan adalah asas yang paling baik dalam melakukan sesuatu tindakan, menyelesaikan masalah dan sebagainya.

Manakala menurut, Ramasamy, E. V. (1971:8) rasional membawa maksud dapat berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang kukuh dan akan dapat mengambil tindakan yang munasabah berdasarkan pertimbangan yang sewajarnya.

Seterusnya menurut Ahmad Tafsir (2012:26), rasionalisme berasal dari perkataan Bahasa Inggeris *rationalism*. Kata dasar perkataan ini ialah dari perkataan bahasa Latin *ratio* yang membawa maksud akal.

